

**PENJANAAN DANA SUMBER AM BAITULMAL
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH
PERSEKUTUAN**

NURUL SYAHIDAH BINTI ROSLAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**PENJANAAN DANA SUMBER AM BAITULMAL
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH
PERSEKUTUAN**

oleh

NURUL SYAHIDAH BINTI ROSLAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2024

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah mengizinkan dan memudahkan saya untuk menyiapkan tesis ini. Sepanjang saya menyiapkan tesis ini, terlalu banyak ilmu, pengalaman dan pengajaran yang diperoleh yang pastinya menjadi bekalan hidup saya di dunia dan akhirat.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Dr. Mohd Syakir bin Mohd Rosdi dan Prof. Dr. Muhammad Syukri Salleh di atas segala bimbingan, nasihat, tunjuk ajar serta semangat dan galakan yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih saya ucapkan kepada semua pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia yang telah banyak memberikan sokongan dan tunjuk ajar sepanjang proses pembelajaran saya di ISDEV. Terima kasih juga buat semua sahabat ISDEV yang banyak membantu dan menyokong saya untuk terus bersemangat menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih buat semua staf sokongan ISDEV yang telah banyak memudahkan urusan saya khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan. Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa baik kalian. Semoga Allah membalas segala jasa baik kalian dengan sebaik-baik ganjaran.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua informan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) iaitu Puan Noor Jamimah Ahmad, En Abdul Karim Mohamed, En Ruzman Ramli dan Dr. Razli Ramli yang telah memberikan maklum balas, input dan pendapat yang diperlukan bagi menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada

Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah menaja pengajian saya melalui skim MyBrain15. Semoga Allah memudahkan segala urusan kalian.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih buat penyelia tesis sarjana saya, Prof. Madya Dr. Mohd Adib Ismail, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang ketika hayatnya telah banyak memberikan bantuan dan sokongan untuk menyiapkan tesis ini. Moga Allah menghadiahkan syurga atas segala kebaikan PM Dr. Adib. Seterusnya, ucapan terima kasih untuk setiap kenangan indah yang tercipta saat bersama dengan rakan-rakan yang bermusafir ke Brunei ketika menyertai program anjuran ISDEV dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) iaitu Makmal Sosio-Akademik (MASA@UNISSA) yang diadakan di UNISSA. Semoga kita terus mencipta kenangan indah dan bersahabat hingga ke syurga.

Akhir sekali, penghargaan yang teristimewa saya dedikasikan buat abah dan umi, Roslan Ahmad dan Rosmani Ismail yang telah banyak memberikan perhatian, sokongan, semangat dan doa yang berterusan sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan buat adik-beradik saya, ipar-duai serta anak-anak saudara yang banyak memberikan perhatian dan sokongan sepanjang menyiapkan kajian ini. Moga rasa kasih dan sayang antara kita kekal hingga ke syurga. Akhir sekali, dua ayat ini saya pegang erat saat saya menghadapi kesukaran sepanjang menyiapkan tesis ini.

“ Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disudahi dengan kesenangan”. (94:6)
“Tidak ada kesusahan yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar); dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”. (64:11)

Nurul Syahidah Roslan
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia.
12 Mac 2022

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI SINGKATAN	xv
PANDUAN TRANSLITERASI	xvii
ABSTRAK	xviii
ABSTRACT.....	xx
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.2.1 Perkembangan Baitulmal pada Zaman Kegemilangan Islam.....	3
1.2.2 Pengurusan Baitulmal di Negara-negara Tertentu.....	10
1.2.3 Perkembangan Baitulmal di Malaysia.....	13
1.2.4 Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.....	22
1.3 Pernyataan Masalah	30
1.4 Objektif Kajian.....	37
1.5 Persoalan Kajian.....	38
1.6 Definisi Operasional.....	39
1.6.1 Penjanaan Dana	39
1.6.2 Sumber Am Baitulmal	41
1.7 Skop dan Batasan Kajian	44
1.8 Kepentingan Kajian.....	45
1.9 Sumbangan Kajian	46
1.10 Organisasi Tesis	46

1.11	Kesimpulan	48
BAB 2 KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA		49
2.1	Pendahuluan	49
2.2	Kajian Lepas.....	49
2.2.1	Kajian Penjanaan Dana Institusi Islam	50
2.2.2	Kajian Institusi Baitulmal	62
2.2.3	Kajian Sumber Am Baitulmal	69
2.2.4	Kajian Penjanaan Dana Sumber Am Baitulmal	73
2.2.5	Kajian Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	75
2.3	Analisis Kajian Lepas	80
2.4	Sorotan Karya.....	81
2.4.1	Teori Pemberian Dana	82
2.4.2	Konsep Penjanaan Dana	86
2.4.2(a)	Matlamat Penjanaan Dana.....	86
2.4.2(b)	Prinsip Penjanaan Dana.....	87
2.4.2(c)	Strategi Penjanaan Dana.....	89
2.4.2(d)	Proses Penjanaan Dana.....	91
2.4.3	Konsep Pelaburan Dalam Islam	101
2.4.3(a)	Prinsip Pelaburan Islam.....	102
2.4.3(b)	Kontrak Pelaburan Islam	108
2.4.3(c)	Instrumen Pelaburan Kewangan Islam.....	121
2.4.4	Konsep Penjanaan Dana Baitulmal	133
2.4.4(a)	Matlamat Penjanaan Dana Baitulmal	134
2.4.4(b)	Prinsip Penjanaan Dana Baitulmal	135
2.4.4(c)	Strategi Penjanaan Dana Baitulmal.....	137
2.4.4(d)	Dana Baitulmal.....	142
2.4.5	Dana Sumber Am di Malaysia.....	153

2.5	Analisis Sorotan Karya	160
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	161
2.7	Kesimpulan	163
BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....		165
3.1	Pendahuluan	165
3.2	Reka Bentuk Kajian	165
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	167
3.3.1	Pengumpulan Data Primer.....	168
3.3.1(a)	Temu Bual Separa Struktur	168
3.3.1(b)	Pemilihan Informan.....	169
3.3.1(c)	Kajian Rintis.....	172
3.3.1(d)	Kajian Lapangan	173
3.3.2	Pengumpulan Data Sekunder.....	175
3.4	Kaedah Penganalisan Data	176
3.4.1	Kaedah Analisis Kandungan Kualitatif	176
3.4.2	Prosedur Pelaksanaan Kaedah Analisis Kandungan Kualitatif	177
3.5	Kebolehpercayaan dan Kesahan Data.....	181
3.6	Tatacara Kajian	183
3.7	Kesimpulan	186
BAB 4 ASAS-ASAS PENJANAAN DANA SUMBER AM BAITULMAL MAIWP.....		187
4.1	Pendahuluan	187
4.2	Maklumat Asas Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.....	188
4.2.1	Latar Belakang MAIWP	188
4.2.2	Carta Organisasi MAIWP	194
4.2.3	Visi, Misi, Objektif dan Strategi Pengurusan MAIWP	195
4.2.4	Aktiviti Utama MAIWP	198
4.3	Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP	204

4.3.1 Hasil Terimaan	204
4.3.1(a) Fidyah dan Kifarat.....	205
4.3.1(b) Wang Tidak Patuh Syariah.....	215
4.3.1(c) Lebihan Harta Pusaka.....	220
4.3.1(d) Hutang Pihak Ketiga	226
4.3.1(e) <i>Luqatāt</i>	229
4.3.2 Keuntungan Pelaburan.....	231
4.3.2(a) Pelaburan Tetap.....	235
4.3.2(b) Pelaburan Hartanah	237
4.4 Matlamat Penjanaan Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP.....	239
4.5 Prinsip Penjanaan Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP.....	241
4.5.1 Mematuhi Undang-undang MAIWP	242
4.5.2 Mematuhi Keputusan Fatwa Wilayah Persekutuan.....	245
4.5.3 Pelaburan Patuh Syariah	249
4.6 Kesimpulan	250
BAB 5 PENJANAAN DANA SUMBER AM BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN	252
5.1 Pendahuluan	252
5.2 Proses Penjanaan Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP	253
5.2.1 Proses Penerimaan Dana Sumber Am	253
5.2.1(a) Proses Sebelum Penerimaan Dana Sumber Am.....	253
5.2.1(b) Proses Semasa Penerimaan Dana Sumber Am	256
5.2.2 Proses Pelaburan Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP	257
5.2.2(a) Proses Sebelum Pelaburan Dana	258
5.2.2(b) Proses Semasa Pelaburan Dana Sumber Am	268
5.3 Cabaran Mengurus Penjanaan Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP	268
5.3.1 Cabaran Dalaman	268
5.3.1(a) Kekurangan Bilangan Kakitangan.....	269

5.3.1(b)	Pengetahuan dan Kemahiran Kakitangan yang Terhad	272
5.3.1(c)	Perjawatan di Unit Sumber Am yang Tidak Seimbang	274
5.3.1(d)	Pengurusan Pangkalan Data yang Tidak Sistematis	277
5.3.1(e)	Bidang Kuasa Baitulmal MAIWP yang Tidak Jelas	280
5.3.1(f)	Keuntungan Pelaburan Tidak Seperti yang Dijangkakan ..	282
5.3.2	Cabaran Luaran.....	284
5.3.2(a)	Kefahaman dan Kesedaran Masyarakat yang Rendah	284
5.3.2(b)	Persaingan dengan Institusi Lain.....	288
5.3.2(c)	Pertindihan Undang-undang.....	289
5.4	Strategi Penjanaan Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP	291
5.4.1	Strategi Meningkatkan Terimaan Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP	292
5.4.1(a)	Memberikan Maklumat	292
5.4.1(b)	Memberikan Kesedaran.....	298
5.4.1(c)	Mempelbagaikan Kaedah Pembayaran	302
5.4.1(d)	Menjalinkan Hubungan Baik dengan Badan Korporat	303
5.4.2	Strategi Meningkatkan Keuntungan Pelaburan Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP	304
5.5	Cadangan Penjanaan Dana Sumber Am Baitulmal MAIWP	305
5.5.1	Strategi S-O (Kekuatan-Peluang)	310
5.5.2	Strategi W-O (Kelemahan-Peluang).....	314
5.5.3	Strategi S-T (Kekuatan-Ancaman)	316
5.5.4	Strategi W-T (Kelemahan-Ancaman).....	319
5.6	Kesimpulan	323
BAB 6	PENUTUP	325
6.1	Pendahuluan	325
6.2	Penemuan Utama dan Rumusan Kajian	326
6.3	Implikasi Kajian	331

6.4	Cadangan Dasar	332
6.5	Saranan Kajian Masa Hadapan	333
6.5.1	Skop Kajian	333
6.5.2	Subjek Kajian	333
6.6	Kesimpulan	334
BIBLIOGRAFI		336
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Agihan pendapatan baitulmal pada zaman Rasulullah SAW 4
Jadual 1.2	Kutipan dan agihan zakat, wakaf dan sumber am di Malaysia..... 14
Jadual 1.3	Pendapatan sumber am negeri-negeri di Malaysia pada tahun 2008 hingga 2020..... 19
Jadual 1.4	Kategori pendapatan sumber am mengikut negeri pada tahun 2019 dan 2020..... 21
Jadual 1.5	Pendapatan sumber am MAIWP pada tahun 2014 hingga 2019. 27
Jadual 1.6	Hubung kait antara Objektif Kajian dengan Persoalan Kajian 39
Jadual 2.1	Karakter pemberi dana, penerima dana dan pengurus dana 82
Jadual 2.2	Faktor pemberian dana dalam Islam 85
Jadual 2.3	Proses penjanaan dana 100
Jadual 2.4	Senarai sekuriti patuh syariah di Bursa Malaysia 133
Jadual 3.1	Senarai informan kajian sebenar 170
Jadual 3.2	Senarai informan kajian rintis 172
Jadual 3.3	Perubahan soalan kajian rintis. 173
Jadual 3.4	Contoh pembinaan kod/ tema untuk persoalan kajian mengenai prinsip penjanaan dana sumber am Baitulmal MAIWP 180
Jadual 3.5	Hubung kait antara objektif kajian, persoalan kajian, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data... 184
Jadual 4.1	Kesalahan, kifaratan dan kadar bayaran kifaratan yang ditentukan oleh MAIWP 212
Jadual 5.1	Pelan strategik sumber am Baitulmal MAIWP tahun 2022 hingga 2025..... 255

Jadual 5.2	Faktor pemilihan instrumen pelaburan dana sumber Baitulmal MAIWP	264
Jadual 5.3	Pemilihan instrumen pelaburan Baitulmal MAIWP	265
Jadual 5.4	Perjawatan Unit Sumber Am Baitulmal MAIWP	275
Jadual 5.5	Analisis SWOT MAIWP	307
Jadual 5.6	Strategi S-O (Kekuatan-Peluang)	310
Jadual 5.7	Strategi W-O (Kelemahan-Peluang)	314
Jadual 5.8	Strategi S-A (Kekuatan-Ancaman)	317
Jadual 5.9	Strategi W-T (Kelemahan-Ancaman)	319
Jadual 5.10	Analisis SWOT menggunakan strategi S-O, W-O, S-T dan W-T	320
Jadual 6.1	Ringkasan objektif kajian, persoalan kajian dan dapatan kajian	329

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 Kutipan zakat mengikut negeri di Malaysia bagi tahun 1991 hingga 2020.....	16
Rajah 1.2 Kutipan zakat di Wilayah Persekutuan dari tahun 1985 hingga 1994.	23
Rajah 1.3 Operasi pembangunan Menara Imarah Wakaf	25
Rajah 1.4 Pendapatan sumber am mengikut jenis dari tahun 2014 hingga 2019	29
Rajah 1.5 Graf perbandingan pendapatan zakat dan sumber am dari tahun 2014 hingga 2019.....	32
Rajah 2.1 Proses penjanaan dana menurut Tempel et al. (2011)	92
Rajah 2.2 Proses penjanaan dana menurut Sargeant dan Shang (2017).....	93
Rajah 2.3 Proses penjanaan dana menurut Broce (1986).....	94
Rajah 2.4 Proses perancangan strategik penjanaan dana menurut Weinstein dan Barden (2017).....	95
Rajah 2.5 Proses penjanaan dana menurut Mutz dan Murray (2000)	96
Rajah 2.6 Proses penjanaan dana menurut Worth (2019)	97
Rajah 2.7 Proses penjanaan dana menurut Kelly (1998)	98
Rajah 2.8 Proses penjanaan dana menurut Lindahl (2010).....	98
Rajah 2.9 Proses penjanaan dana menurut Nor Alimah (2016)	99
Rajah 2.10 Jenis-jenis <i>ribā</i>	104
Rajah 2.11 Kontrak <i>murābahat</i> dalam pembiayaan.....	109
Rajah 2.12 Kontrak <i>al-’ijārat</i> dalam pembiayaan.....	110
Rajah 2.13 Aplikasi kontrak <i>bay’ al-salam</i> dalam pembiayaan.....	111
Rajah 2.14 Kontrak <i>al-’istiṣnā’</i> dalam pembiayaan.....	112

Rajah 2.15	Kontrak AITAB dalam pembiayaan	113
Rajah 2.16	Kontrak <i>bay' al- 'inaṭ</i> dalam pembiayaan	114
Rajah 2.17	Aplikasi pembiayaan menggunakan kontrak BBA.....	115
Rajah 2.18	Aplikasi kontrak <i>muḍārabat</i>	117
Rajah 2.19	Aplikasi kontrak <i>musyārakat</i>	118
Rajah 2.20	Aplikasi kontrak <i>al-wadī'at yad ḍamāmat</i>	119
Rajah 2.21	Aplikasi pelaburan tetap di perbankan Islam.....	122
Rajah 2.22	Aplikasi pelaburan unit amanah.....	124
Rajah 2.23	Aplikasi pelaburan I-REITs	127
Rajah 2.24	Aplikasi penerbitan <i>ṣukūk 'ijārat</i>	129
Rajah 2.25	Penerbitan <i>ṣukūk musyārakat</i>	130
Rajah 2.26	Kerangka konseptual.....	162
Rajah 3.1	Carta alir proses pengumpulan data primer	174
Rajah 3.2	Prosedur pelaksanaan analisis kandungan kualitatif.....	179
Rajah 3.3	Tatacara pelaksanaan kajian	185
Rajah 4.1	Agihan kuasa di Wilayah Persekutuan	191
Rajah 4.2	Carta Organisasi MAIWP	194
Rajah 4.3	Hubungan antara Visi, Misi, Objektif dan Strategi pengurusan MAIWP	197
Rajah 4.4	Carta pentadbiran MAIWP dan syarikat-syarikat MAIWP	203
Rajah 4.5	Pengiraan bayaran kadar fidyah.....	210
Rajah 4.6	Pengiraan bayaran kadar fidyah yang digandakan.....	211
Rajah 4.7	Prosedur penerimaan harta fidyah dan kifarāt di Baitulmal MAIWP	213
Rajah 4.8	Jumlah penerimaan fidyah dan kifarāt dari tahun 2014 hingga 2019	214
Rajah 4.9	Jumlah penerimaan wang tidak patuh syariah dari tahun 2014 hingga 2019.....	218

Rajah 4.10	Prosedur penerimaan harta tidak patuh syariah di Baitulmal MAIWP.....	219
Rajah 4.11	Prosedur penerimaan lebihan harta pusaka oleh Baitulmal MAIWP	223
Rajah 4.12	Jumlah penerimaan lebihan pusaka di Wilayah Persekutuan pada dari tahun 2014 hingga 2019.....	225
Rajah 4.13	Prosedur penerimaan hutang pihak ketiga di Baitulmal MAIWP.	227
Rajah 4.14	Prosedur penerimaan harta <i>luqaṭaṭ</i> di Baitulmal MAIWP.....	230
Rajah 4.15	Keuntungan pelaburan tetap dari tahun 2014 hingga 2019	237
Rajah 4.16	Jumlah hasil sewaan aset sumber am MAIWP	239
Rajah 5.1	Proses mendapatkan keputusan fatwa bagi sumber am Baitulmal MAIWP.....	254
Rajah 5.2	Penerimaan dana sumber am Baitulmal MAIWP	256
Rajah 5.3	Proses pelaburan dana sumber am Baitulmal MAIWP.....	257
Rajah 5.4	Proses penyediaan dan kelulusan cadangan pelaburan dana sumber am Baitulmal MAIWP	267
Rajah 5.5	Perkhidmatan portal e-baitulmal.....	293
Rajah 5.6	Maklumat yang di sediakan dalam portal e-baitulmal	294
Rajah 5.7	Maklumat mengenai kesalahan dikenakan fidyah	295
Rajah 5.8	Kalkulator kiraan yang disediakan di portal e-baitulmal MAIWP	296
Rajah 5.9	Kaedah bayaran yang disediakan di portal e-baitulmal MAIWP	296

SENARAI SINGKATAN

AHB	Amanah Hartanah Berhad
AITAB	<i>al- 'ijāraṭ thumma al-bay'</i>
AMLA	<i>Administration of Muslim Law Act</i>
B.O.T	<i>Build Opperate and transfer</i>
BAZNAS	Badan Amil Zakat Nasional
BBA	<i>Bay' bithaman ājil</i>
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BMT	Baitul Maal Wa Tamwil
BPP	Bahagian Pembangunan dan Pelaburan
BSKL	Bursa Saham Kuala Lumpur
E-MAS	Sistem Elektronik Perakaunan Masjid
IPB	Institut Profesional Baitulmal
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JKHS	Jawatankuasa Hukum Syarak
JKPP	Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan
JPA	Jawatankuasa Perkhidmatan Awam
KAFA	Kelas Pengajian al-Quran dan Fardu Ain
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LAZ	Lembaga Amil Zakat
LAZISMU	Lembaga Amil Zakat, Infaq dan Sedekah Muhammadiyah
LTH	Lembaga Tabung Haji
LUTH	Lembaga Urusan Tabung Haji
LZNK	Lembaga Zakat Negeri Kedah
LZS	Lembaga Zakat Selangor
M	Masihi
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu
MAIJ	Majlis Agama Islam Negeri Johor
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIK	Majlis Agama Islam Kedah
MAIM	Majlis Agama Islam Melaka
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
MAINS	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
MAIPk	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
MAIPs	Majlis Agama Islam Negeri Perlis
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MAYBANK	Malayan Banking Berhad
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MUIB	Majlis Ugama Islam Brunei
MUIP	Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

MUIS	Majlis Ugama Islam Singapura
PBNS*	Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan
PBNS**	Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah
PICOMS	Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI
PKZ Pahang	Pusat Kutipan Zakat Pahang
PPZ	Pusat Pungutan Zakat
PUSRAWI	Pusat Rawatan Islam
PW MAIWP	Pusat Wakaf MAIWP
PWS	Pusat Wakaf Selangor
PZM	Pusat Zakat Melaka
SAW	<i>Ṣalla 'Llāhu 'alayh wa Sallam</i>
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SMA-MAIWP	Sekolah Menengah Agama MAIWP
SOP	Standard Operating Procedure
SWOT	Strengths, Weaknesses, Opportunities, and Threats
TBS	Tabung Baitulmal Sarawak
TH	Tabung Haji
YaPIEM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
ZIS	Lembaga Zakat, Infaq dan Sedekah
ZPP	Zakat Pulau Pinang

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
ṭ	ط	-	ا
ẓ	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	ḥ	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	هـ	s	س
’	ء	sy	ش
y	ي	ṣ	ص
ṭ̣	ة	ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	ـَ	ā	آ	ay	أَيَّ
i	ـِ	ī	إِيَّ	aw	أَوَّ
u	ـُ	ū	أُوَّ		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

**PENJANAAN DANA SUMBER AM BAITULMAL MAJLIS AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN**

ABSTRAK

Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada tahun 2000 hingga 2019 menunjukkan bahawa pendapatan zakat di Wilayah Persekutuan adalah lebih tinggi berbanding dengan pendapatan sumber am. Misalnya, pada tahun 2019, jumlah pendapatan zakat MAIWP adalah sebanyak RM 688.41 juta manakala jumlah pendapatan sumber am MAIWP ialah RM 16.36 juta. Perbezaan antara pendapatan zakat dengan pendapatan sumber am adalah sebanyak RM 672.05 juta. Jurang yang besar di antara pendapatan zakat dengan pendapatan sumber am ini menimbulkan persoalan berikut. Mengapakah keadaan ini boleh berlaku? Bukankah dana sumber am adalah lebih fleksibel dan berpotensi untuk dijanakan? Adakah MAIWP kurang memberi tumpuan kepada penjanaan dana sumber am di Wilayah Persekutuan? Berdasarkan persoalan-persoalan tersebut, maka kajian ini dilakukan dengan tiga objektif. Pertama, mengenal pasti asas-asas penjanaan dana sumber am Baitulmal MAIWP. Kedua, menganalisis penjanaan dana sumber am Baitulmal MAIWP. Ketiga, merumuskan penjanaan dana sumber am Baitulmal MAIWP yang lebih sesuai. Ketiga-tiga objektif kajian tersebut dicapai menggunakan reka bentuk kajian kualitatif asas dan data kajian ini dikumpulkan menggunakan kaedah kajian dokumen dan kaedah temu bual separa berstruktur. Temu bual separa struktur kajian ini melibatkan tujuh orang informan yang terdiri daripada pihak pengurusan MAIWP, pengurusan JAWHAR dan ahli akademik. Data daripada temu bual dan kajian dokumen dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Hasil dapatan mendapati bahawa asas-asas penjanaan dana sumber am Baitulmal MAIWP

merangkumi matlamat dan prinsip penjanaan dana sumber am Baitulmal MAIWP. Seterusnya, kajian ini menganalisis penjanaan dana sumber am Baitulmal MAIWP. Terdapat sembilan cabaran yang dikenal pasti dalam mengurus penjanaan dana sumber am Baitulmal MAIWP iaitu kekurangan kakitangan; kepakaran dan pengetahuan kakitangan yang terhad; perjawatan yang tidak seimbang; bidang kuasa baitulmal yang tidak jelas; tiada pangkalan data sistematik; keuntungan pelaburan tidak seperti yang dijangkakan; kefahaman masyarakat yang rendah; persaingan dengan institusi lain dan; pertindihan undang-undang. Bagi menyelesaikan masalah tersebut maka, kajian ini mencadangkan sembilan cadangan penjanaan dana sumber am yang lebih sesuai di MAIWP iaitu memohon penambahan jawatan; menyediakan kursus dan latihan kepada kakitangan; pindaan akta; menyediakan pangkalan data sistematik; melantik pengurus dana pelaburan; meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat melalui promosi dan kempen kesedaran; meningkatkan kepercayaan masyarakat; penerokaan sumber baharu dan; mempelajari strategi penjanaan dana MAIS. Dapatan kajian ini memberikan impak penting kerana ia menjadi asas kepada penjanaan dana institusi Islam khususnya baitulmal. Selain itu, kajian ini dapat menyelesaikan masalah penjanaan dana sumber am Baitulmal MAIWP.

THE FUNDRAISING OF GENERAL SOURCES IN THE BAITULMAL OF WILAYAH PERSEKUTUAN ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL

ABSTRACT

The Annual Report of the Wilayah Persekutuan Islamic Religious Council (MAIWP) from 2000 to 2019 shows that the income from zakat in Wilayah Persekutuan is higher compared to the income from general sources. For example, in 2019, the total zakat income for MAIWP was RM 688.41 million, while the total income from general sources for MAIWP was RM 16.36 million. The difference between the zakat income and the general source income is RM 672.05 million. The significant gap between zakat income and general source income raises the following questions. Why does this situation occur? Aren't general sources more flexible and potentially lucrative? Is MAIWP not focusing enough on generating general source funds in the Wilayah Persekutuan? Based on these questions, this study is conducted with three objectives. First, to identify the fundamentals of fundraising from general sources of the Baitulmal MAIWP. Second, to fundraising from general sources of the Baitulmal MAIWP. Third, to conclude better fundraising of general sources in the Baitulmal MAIWP. All three objectives were achieved by using a basic qualitative research design, and the data of this study are collected using the documents analysis and semi-structured interviews. The semi-structured interviews involved seven informants who were among the management staff of MAIWP, JAWHAR, and an academician. Data from the interviews and documents analysis are analyzed using qualitative content analysis methods. The findings reveal that the fundamentals of generating general source funds for MAIWP's Baitulmal include the goals and principles of generating general source funds for MAIWP's Baitulmal. Furthermore, this study analyzes the fundraising from

general sources of the Baitulmal MAIWP. Nine challenges have been identified in managing the fundraising of general source for the Baitulmal MAIWP, namely: lack of manpower; limited expertise and knowledge of staff; imbalanced staffing; unclear jurisdiction of Baitulmal; inexistence of systematic database; investment returns not as expectations; low level of social awareness; competition with other institutions; and legal overlaps. To address these problems, this study proposes nine recommendations for generating more appropriate general source funds at MAIWP: requesting additional positions; providing courses and training programs for staff; amendments of the act; establishing a systematic database; appointing an investment fund manager; enhancing public understanding and awareness through promotions and awareness campaigns; increasing public trust; exploring new resources; and learning MAIS fundraising strategies. The findings of this study have significant implications for Islamic institutions, especially Baitulmal. Additionally, this study can solve the problem of fundraising general sources for Baitulmal MAIWP.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan institusi yang bertanggungjawab mengurus harta zakat, wakaf dan sumber am. Ketiga-tiga sumber tersebut mengalami perkembangan dari segi kaedah penjanaan dana. Namun, perkembangan dana sumber am masih berada pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan perkembangan dana zakat dan wakaf (Nadiah Rasid & Mat Noor Mat Zain, 2016). Harta zakat diurus secara korporat manakala harta wakaf pula dibangunkan secara komersial (Siti Nadiah Mohd Ali et al., 2019). Bagi dana sumber am, penjanaan dana masih lagi tertumpu kepada kutipan hasil agama Islam seperti sedekah, wang tidak patuh syariah, *luqatāt*, hutang pihak ketiga, fidyah, kifarāt dan lebihan harta pusaka (Indera Shahril Mohd Shahid, 2018).

Pada tahun 1992, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengkorporatkan kutipan zakat kepada Pusat Pungutan Zakat (PPZ) (Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2023a). PPZ bertanggungjawab mengurus kutipan zakat di Wilayah Persekutuan manakala MAIWP pula bertanggungjawab mengurus agihan zakat. Selepas pengkorporatan institusi kutipan zakat, berlaku perkembangan dari sudut peningkatan kutipan zakat, penambahbaikan sistem bayaran zakat dan perluasan sumber zakat (Hairunnizam Wahid et al., 2017; Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif, 2020).

Begitu juga dengan perkembangan tanah wakaf di Wilayah Persekutuan. MAIWP telah membangunkan tanah wakaf secara komersial melalui kerjasama pintar dengan Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

(Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015a). Pembangunan harta secara komersial telah berjaya mengoptimumkan penggunaan tanah wakaf, menambahkan pendapatan wakaf dan menambahkan aset wakaf (Norliza Md. Nuruddin et al., 2019).

Dana sumber am di Wilayah Persekutuan diurus sepenuhnya oleh MAIWP di bawah Unit Sumber Am (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2022b). Unit Sumber Am MAIWP bertanggungjawab mengurus harta sumber am yang terdiri daripada wang tidak patuh syariah, *luqat*, hutang pihak ketiga, lebihan harta pusaka, fidyah dan kifar. Harta tersebut kemudiannya diagihkan untuk tujuan pengurusan, pembangunan, dakwah dan kebajikan (Noor Jamimah Ahmad, 2022). Melihat kepada perkembangan ketiga-tiga dana iaitu zakat, wakaf dan sumber am di Wilayah Persekutuan, jelaslah bahawa pengurusan dana zakat dan wakaf lebih berkembang jika dibandingkan dengan pengurusan dana sumber am. Persoalannya, mengapakah hal ini berlaku? Mengapakah dana sumber am tidak diurus sebaik mungkin seperti mana dana zakat dan wakaf? Bukankah sumber am juga merupakan dana yang penting kepada umat Islam? Bagi menjawab persoalan tersebut, kajian ini bertujuan meneliti penjawatan dana sumber am Baitulmal MAIWP.

Sebagai bab permulaan, bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional kajian, skop dan batasan kajian, sumbangan kajian, organisasi tesis dan kesimpulan. Perkara-perkara ini penting untuk dijadikan asas kepada kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perbincangan dalam bahagian latar belakang ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama membincangkan perkembangan baitulmal pada zaman kegemilangan Islam. Bahagian kedua membincangkan pengurusan dana baitulmal di

negara-negara tertentu. Bahagian ketiga pula membincangkan perkembangan baitulmal di Malaysia dan bahagian keempat membincangkan mengenai Baitulmal MAIWP. Perbincangan lanjut mengenai keempat-empat bahagian tersebut dibincangkan dalam bahagian berikutnya.

1.2.1 Perkembangan Baitulmal pada Zaman Kegemilangan Islam

Sejarah penubuhan baitulmal telah bermula sejak awal pemerintahan Islam di Madinah (623M) (Abdul Qadim Zallum, 1983; Md. Habibur Rahman, 2015; Seyed Kazem Sadr, 2016). Pada awalnya, kerajaan Madinah tidak mempunyai pendapatan tetap dan hanya bergantung kepada sumbangan daripada umat Islam sahaja (Abdullah Alwi Hassan, 2003). Namun, bermula tahun ke-2 Hijrah (624 M), baitulmal telah mempunyai pendapatan daripada harta rampasan perang atau *khums* hasil daripada kemenangan tentera Islam dalam peperangan Badar (Nur Chamid, 2010). Kemudian, pada tahun ke-4 Hijrah (626 M), baitulmal menerima harta *fai*¹ daripada Bani Nadir yang telah mengkhianati perjanjian dengan Rasulullah SAW². Pada tahun ke-7 Hijrah (629 M) pula, baitulmal menerima harta *jizyat*³ dan *kharāj*⁴. Harta *jizyat* diperoleh daripada penduduk *Tayma'* yang telah menandatangani perjanjian damai dengan

¹ *Fai'* ialah harta yang diperoleh daripada orang bukan Islam dengan cara damai. Lihat Abdullah Alwi Hassan (2003)

² Pada awal pemerintahan Islam di Madinah, Rasulullah SAW telah mengikat perjanjian dengan Bani Nadir. Antara isi perjanjian tersebut ialah Yahudi termasuklah Bani Nadir tidak boleh membantu Quraisy memerangi umat Islam. Walau bagaimanapun, Bani Nadir telah mengkhianati perjanjian tersebut kerana Bani Nadir telah membantu Quraisy Mekah melawan orang Islam di Madinah. Bani Nadir telah meninggalkan Madinah dan dibenarkan oleh Rasulullah SAW untuk membawa ahli keluarga dan harta yang dapat diangkut dengan unta kecuali senjata. Harta yang ditinggalkan oleh Bani Nadir ialah tanah, rumah dan alat peperangan. Lihat Nur Chamid (2010).

³ *Jizyat* merupakan cukai perlindungan yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang berada di bawah kerajaan Islam bagi menjamin keamanan, keselamatan diri dan harta mereka. Lihat Abdullah Alwi Hassan (2003).

⁴ *Kharāj* merupakan kadar bayaran tertentu yang dipungut daripada pendapatan hasil tanah tersebut. Lihat Abdullah Alwi Hassan (2003).

Rasulullah SAW manakala harta *kharāj* pula diperoleh daripada penduduk Khaibar⁵ yang bersetuju untuk menyerahkan sebahagian hasil pertanian kepada Rasulullah SAW selepas perang Khaibar (Nur Chamid, 2010). Seterusnya, pada tahun ke-8 Hijrah (630M), baitulmal menerima hasil daripada zakat⁶, lebih harta pusaka dan barang yang dijumpai (*luqāṭat*) (Seyed Kazem Sadr, 2016). Kesemua harta tersebut dikumpulkan terlebih dahulu di Masjid Nabawi⁷ sebelum diagihkan kepada mereka yang berhak menerimanya. Pengagihan harta baitulmal pada zaman Rasulullah SAW ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Agihan pendapatan baitulmal pada zaman Rasulullah SAW

Jenis Harta	Agihan
<i>Khums</i> dan <i>fai</i>	Dibelanjakan untuk kepentingan agama, memenuhi keperluan Rasulullah SAW, keluarga baginda, orang miskin, anak yatim dan orang musafir yang dalam kesusahan
Zakat	Asnaf
<i>Jizyat</i>	Ketenteraan dan peperangan
<i>Kharāj</i>	Muhajirin yang miskin
Lain-lain harta	Lain-lain keperluan seperti membayar gaji, bantuan kewangan kepada bukan Islam, hadiah kepada delegasi, menyelesaikan hutang orang miskin yang telah mati dan memerdekakan hamba.

Sumber: Abdullah Alwi Hassan (2003)

⁵ Selepas peperangan Khaibar, pemilik asal tanah Khaibar meminta agar tanah-tanah yang ditawan oleh orang Islam dikembalikan kepada mereka untuk mereka usahakan kerana mereka mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang pertanian. Permintaan itu dipersetujui oleh Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun penduduk Khaibar dikehendaki membayar *kharāj*. Kadar *kharāj* yang dikenakan adalah sebahagian daripada hasil pertanian yang diperoleh. Lihat al-Buti (2008) dan al-Mubarakfuri (2013).

⁶ Zakat diwajibkan kepada orang Islam pada tahun kelapan Hijrah. Zakat terbahagi kepada dua kumpulan iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah dikeluarkan pada awal bulan Ramadhan sehingga hari pertama Syawal manakala zakat harta pula boleh dibayar sepanjang tahun. Zakat harta pula dikenakan ke atas emas dan perak, tanaman dan buah-buahan serta binatang ternakan seperti unta, lembu dan kambing yang memenuhi syarat berzakat. Lihat Syed Othman al-Habshi (1984) dan Seyed Kazem Sadr (2016).

⁷ Harta-harta tersebut diletakkan di baitulmal masjid yang ketika itu menjadi pusat pentadbiran negara Islam. Hal ini dapat dibuktikan melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari yang bermaksud "Dari Anas r.a., katanya: "Dibawa orang ke hadapan Rasulullah SAW, sejumlah harta dari Bahrain. Maka Nabi memerintahkan, "Letakkan harta itu di masjid." Harta itu adalah yang paling banyak yang pernah dibawa orang ke hadapan Rasulullah SAW. Kemudian Nabi SAW datang ke Masjid hendak solat, namun beliau tidak menolak sedikit juga kepada harta yang bertompok itu. Setelah selesai solat, lalu Nabi duduk dekat harta itu. Siapa saja yang kelihatan oleh Nabi Muhammad SAW ketika itu, maka diberinya harta itu. (Hadis Sahih Bukhari, no. Hadis: 0248)

Berdasarkan Jadual 1.1, Rasulullah SAW mengagihkan harta baitulmal berdasarkan jenis harta. Sebagai contoh, harta *khums* dan *fai'* diagihkan untuk Allah SWT (agama), Rasulullah SAW, kerabat Rasulullah SAW, orang miskin, anak yatim dan musafir yang berada dalam kesusahan seperti yang dinyatakan dalam surah *al-Anfāl* (8:41)⁸ dan surah *al-Ḥasyr* (59:7)⁹. Harta zakat pula diagihkan kepada asnaf seperti yang dinyatakan dalam surah *al-Tawbat* (9:60)¹⁰. Harta *jizyat* digunakan untuk membiayai peperangan dan tentera manakala harta *kharāj*¹¹ diberikan kepada muhajirin yang miskin. Lain-lain harta digunakan untuk membayar gaji pegawai, memberi bantuan kewangan kepada bukan Islam, memberikan hadiah kepada delegasi-delegasi yang datang ke Madinah, menyelesaikan hutang orang miskin yang

⁸ Golongan yang berhak menerima *khums* telah ditentukan oleh Allah dalam Surah *al-Anfāl* ayat 41 yang bermaksud “Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk Rasul-Nya, dan untuk kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada "Hari Al-Furqan", iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar). Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

⁹ Golongan yang berhak menerima *fai'* pula telah ditentukan oleh Allah dalam Surah *al-Ḥasyr* ayat 7 yang bermaksud “Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)”.

¹⁰ Golongan yang menerima zakat seperti yang ditentukan Allah dalam Surah *al-Tawbat* ayat 60 yang bermaksud “Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangNya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

¹¹ *Kharāj* merupakan kadar bayaran tertentu yang dipungut daripada pendapatan hasil tanah tersebut. *Kharāj* yang pertama diperoleh daripada penduduk Khaibar. Selepas peperangan Khaibar, pemilik asal tanah Khaibar meminta agar tanah-tanah yang ditawan oleh orang Islam dikembalikan kepada mereka untuk mereka usahakan kerana mereka mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang pertanian. Permintaan itu dipersetujui oleh Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun penduduk Khaibar dikehendaki membayar *kharāj*. Kadar *kharāj* yang dikenakan adalah sebahagian daripada hasil pertanian yang diperoleh. Lihat al-Buti (2008), dan al-Mubarakfuri (2013).

telah mati dan memerdekakan hamba. Kaedah agihan pendapatan baitulmal yang diperkenalkan oleh Rasulullah SAW ini telah diteruskan oleh pemerintah seterusnya iaitu Khalifah Abu Bakar (632M-635M).

Seterusnya pada zaman Khalifah Umar al-Khattab (634 M- 644 M), harta baitulmal semakin bertambah banyak hasil daripada penaklukan wilayah (Sadali Rasban et al., 2020). Misalnya, pada tahun 16 Hijrah (637 M), Abu Hurairah iaitu Gabenor Bahrain telah datang ke Madinah dan menyerahkan 500 000 dirham harta *kharāj* kepada Khalifah Umar al-Khattab. Khalifah Umar al-Khattab kemudiannya mengadakan perbincangan dengan Majlis Syura untuk membincangkan mengenai pengurusan harta *kharāj* tersebut. Hasil perbincangan diputuskan bahawa harta tersebut tidak boleh dihabiskan semuanya dan perlu disimpan untuk keperluan akan datang. Khalifah Umar al-Khattab kemudian menubuhkan *dīwān*¹² atau jabatan bagi memudahkan pengurusan harta-harta tersebut (al-Mawardi, 1993; Muhammad Kamal Atiyah, 1993).

Kemudiannya, setelah Islam berjaya menakluki sebahagian daripada Rom dan Parsi, harta-harta rampasan perang¹³ daripada Rom dan Parsi telah dihantar ke Madinah. Hal ini menyebabkan harta baitulmal di Madinah menjadi semakin banyak (al-Thabari, 2011). Melihat keadaan ini, Khalifah Umar telah menubuhkan baitulmal di setiap wilayah yang dikenali dengan Baitulmal Wilayah. Baitulmal di Madinah pula

¹² *Dīwān kharaj* atau jabatan kecil di bawah baitulmal yang bertanggungjawab mengurus penerimaan dan pengeluaran harta *kharaj*. Selain *dīwān kharaj*, terdapat juga *dīwān zakat*; *dīwān usyur*, *dīwān jizyat*; *dīwān fai* dan *dīwān luqatāt*. Lihat Muhammad Kamal Atiyah (1993)

¹³ Ketika penaklukan Parsi, baitulmal memperoleh harta rampasan yang terdiri daripada harta perbendaharaan, alat peperangan, barang perhiasan dan perkakas rumah. Menurut At-Thabari (2011), harta rampasan Parsi ini sangat banyak dan tidak pernah diperoleh sama ada dalam peperangan sebelum mahupun sesudah penaklukan Parsi.

dijadikan sebagai Baitulmal Persekutuan¹⁴. Harta baitulmal wilayah digunakan untuk kegunaan wilayah tersebut dan bakinya dihantar ke baitulmal persekutuan (Abdullah Alwi Hassan, 2003).

Kekayaan baitulmal pada zaman Khalifah Umar al-Khattab membolehkan beliau memberikan bantuan dalam pelbagai bentuk kepada rakyatnya (Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2018). Beliau menyediakan elaun¹⁵ kepada isteri-isteri Rasulullah SAW, bekas tentera Badar, kaum Muhajirin dan Ansar, orang yang memeluk Islam selepas penaklukan Mekah, bekas tentera, penghafaz al-Quran dan elaun penduduk. Kaum wanita, kanak-kanak, orang miskin, anak yatim dan golongan kurang upaya juga diberikan elaun mengikut keperluan (Syed Muhammad Hasanuz Zaman, 1981). Khalifah Umar juga turut menyediakan kemudahan seperti terusan¹⁶, jalan raya, jambatan, masjid, bangunan tentera, bangunan awam dan pembangunan bandar-bandar baru di Basrah dan Kufah (Abdullah Alwi Hassan, 2003; Irfan Mahmud Ra'ana, 1977; Muzaffar Husain Syed et al., 2011).

Seterusnya, pada zaman kerajaan Bani Umaiyah, Islam telah berjaya menakluk semua wilayah Rom, Constantinople, Turkistan, Jurjan, Tabrustan dan Andalusia¹⁷

¹⁴ Seorang pegawai ditempatkan di setiap baitulmal wilayah bagi mengurus harta baitulmal dan mengutip cukai. Lihat Abdullah Alwi Hassan (2003).

¹⁵ Elaun kepada isteri-isteri Rasulullah SAW (12,000 dirham), bekas tentera Badar (2000-5000 dirham), kaum Muhajirin dan Ansar (3000 dirham), orang yang memeluk Islam selepas penaklukan Mekah (3000 dirham), bekas tentera (1500 dirham), penghafaz al-Quran (1500 dirham) dan elaun penduduk. Selain itu, kaum wanita, kanak-kanak, orang miskin, anak yatim dan golongan kurang upaya juga diberikan elaun mengikut keperluan mereka iaitu di antara 100 hingga 12,000 dirham. Lihat Syed Muhammad Hasanuz Zaman (1981).

¹⁶ Antara terusan yang dibina ialah Terusan *Abi Musa*, Terusan *Ma'qal*, Terusan Sa'ad dan Terusan *Amir al-Mukminin* yang menghubungkan Laut Merah dan Sungai Nil. Terusan merupakan sumber air untuk kegunaan penduduk dan tanaman selain menjadi tempat pengangkutan barang. Lihat Irfan Mahmud Ra'ana (1977).

¹⁷ Faktor terbesar kekayaan baitulmal pada zaman pemerintahan kerajaan Bani Umaiyah ialah kejayaan Islam menakluk negara paling kaya di Eropah iaitu Andalus. Andalus kaya dengan hasil buah-buahan, sayur-sayuran dan perindustrian yang pesat termasuklah dalam industri logam. Lihat Mahayudin Yahaya (2005).

(Mahayudin Yahaya, 2005). Dengan penaklukan wilayah-wilayah baru ini, hasil baitulmal semakin meningkat terutamanya dalam bentuk *kharāj*, *khums*, *fai* ' dan *jizyat*. Khalifah al-Walid telah menggalakkan pembangunan dalam sektor perindustrian dan pembuatan. Beliau juga telah mendirikan pengkalan tentera laut di beberapa wilayah antaranya Syria, Mesir dan Afrika. Hal ini telah merancakkan lagi aktiviti perdagangan dan seterusnya meningkatkan pendapatan baitulmal melalui cukai perdagangan. Pendapatan baitulmal ketika itu digunakan untuk mengukuhkan pertahanan negara dengan menubuhkan angkatan tentera laut dengan 800 buah kapal bagi menghadapi tentera Byzantine (Mahayudin Yahaya, 2005; Nur Chamid, 2010).

Sementara itu, khalifah Umar Abdul Aziz ketika pemerintahannya telah melakukan pelbagai pembaharuan seperti mengurangkan cukai *jizyat* dan *kharāj* bagi mengurangkan beban rakyat (Mahayudin Yahaya, 2005). Beliau juga telah membuka ladang-ladang baru, memperbaiki dan membina saluran air serta membina jalan raya bagi memudahkan pengangkutan barang-barang. Hal ini telah merancakkan lagi aktiviti perniagaan dan pertanian sekali gus meningkatkan pendapatan baitulmal melalui cukai dan zakat (Radieah Mohd Nor, 2015). Khalifah Umar Abdul Aziz juga mengambil langkah berjimat cermat dalam membelanjakan harta baitulmal. Beliau telah memansuhkan semua jenis majlis keraian, majlis perasmian, hadiah kepada tetamu dan segala perbelanjaan yang membazir (Mahdi Shuid et al., 2007).

Ketika pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyah, kota Baghdad telah menjadi tumpuan dunia terutamanya dalam bidang perdagangan. Baghdad ketika itu telah menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang mengumpulkan pedagang-pedagang dari Afrika, India, China dan Sepanyol. Pada zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid misalnya, pelbagai kemudahan disediakan untuk kemudahan pedagang.

Sebagai contoh, pembinaan telaga, tempat rehat di laluan pedagang serta menyediakan tentera laut dan pasukan kapal perang untuk mengawasi laut daripada serangan musuh. Hal ini telah meningkatkan perdagangan dan seterusnya meningkatkan pendapatan baitulmal melalui cukai perdagangan (Nur Chamid, 2010).

Kejayaan khalifah-khalifah Islam dalam meningkatkan pendapatan baitulmal berterusan sehingga zaman Kerajaan Bani Uthmaniyah. Walau bagaimanapun, selepas kejatuhan kerajaan Uthmaniyah (1924), harta baitulmal semakin merosot disebabkan berlakunya peperangan sesama sendiri. Harta baitulmal bukan lagi untuk kebajikan rakyat tetapi digunakan untuk mempertahankan kuasa (Abdullah Alwi Hassan, 2003; Kamal A. Faruki, 1971). Selepas Perang Salib, kuasa-kuasa Barat mula menjajah negara-negara Islam di seluruh dunia (Mustafa Daud, 1996). Penjajahan ini turut memberi kesan kepada baitulmal. Akhirnya, institusi baitulmal semakin tenggelam dan dipinggirkan (Juraish Kamaruddin, 2009). Selepas kejatuhan kerajaan Islam, institusi baitulmal masih wujud di negara-negara yang mempunyai umat Islam namun kuasa dan fungsi baitulmal adalah berbeza dengan baitulmal pada zaman kegemilangan Islam.

Kebanyakan negara tidak menggunakan istilah baitulmal tetapi masih lagi menjalankan fungsi sebagai baitulmal iaitu mengurus harta zakat, wakaf dan sedekah. Di negara-negara Islam seperti Arab Saudi, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (United Arab Emirates, UAE), Bahrain, Brunei, Kuwait dan Oman, harta zakat, wakaf dan sedekah diurus oleh kementerian (Izlawanie Muhammad, 2019). Di Arab Saudi, harta cukai dan zakat diuruskan oleh kementerian yang sama iaitu Kementerian Kewangan manakala di Kuwait, harta zakat dan wakaf diurus bersama oleh dua kementerian iaitu Kementerian Kewangan dan Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama Islam. Di

Qatar, UAE, Bahrain, Brunei dan Oman masing-masing diurus oleh Kementerian Hal Ehwal Agama Islam.

Di Malaysia harta zakat, wakaf dan sumber am diurus oleh MAIN di negeri masing-masing. Sebagai contoh di Johor, institusi yang bertanggungjawab mengurus dana zakat, wakaf dan sumber am di Johor ialah Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ). Di Singapura pula harta zakat, wakaf dan sumber am diurus oleh badan berkanun iaitu Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) (Majlis Ugama Islam Singapura, 2020). Di Indonesia, pengurusan harta zakat, wakaf dan infaq diurus oleh sebuah lembaga iaitu Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) (Badan Amil Zakat Nasional, 2022). Di Negara minoriti Islam seperti New Zealand, baitulmal adalah sebuah badan yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Islam New Zealand bagi mengumpul dan mengagihkan zakat, wakaf dan sedekah.

1.2.2 Pengurusan Baitulmal di Negara-negara Tertentu

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, fungsi baitulmal masih lagi wujud di negara-negara yang mempunyai umat Islam. Namun fungsi baitulmal hanya terhad kepada menjaga harta orang Islam sahaja iaitu zakat, wakaf dan sumber am (Hailani Muji Tahir, 2007).

Di Indonesia, harta zakat, infaq dan sedekah¹⁸ diurus oleh Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) berdasarkan keputusan Presiden Republik Indonesia Nombor 8 tahun 2001 yang memberikan hak kepada BAZNAS untuk mengurus dana sumber am (Badan Amil Zakat Nasional, 2022). Selain BAZNAS, dana zakat dan sumber am juga diurus oleh Lembaga Amil Zakat, Infaq dan Sedekah Muhammadiyah (LAZASMU)

¹⁸ Selepas ini, harta infaq dan sedekah di Indonesia dinyatakan sebagai sumber am.

dan Baitul Mal Wat Tamwil (BMT) (Nur Kismiyatun, 2018). Penjanaan dana sumber am di Indonesia dilakukan melalui dua kaedah iaitu kaedah langsung dan tidak langsung (Nabila, 2022). Penjanaan dana secara langsung dilakukan melalui kempen dan edaran risalah. Manakala penjanaan dana secara tidak langsung melalui tanggungjawab sosial korporat, syarikat korporat, *crowdfunding* (Saifullah, 2017) dan media sosial (Pradana, 2022).

Di Brunei, harta zakat, wakaf dan sumber am diurus oleh Kementerian Hal Ehwal Agama melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) berdasarkan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 Pindaan 1984. Harta sumber am MUIB terdiri daripada nazar dan harta-harta amanah orang Islam. Dalam usaha meningkatkan harta sumber am, MUIB melalui Badan Tanmiah MUIB telah terlibat dengan projek hartanah seperti rumah dan kedai. Setakat ini, MUIB memiliki 26 unit rumah teres, 32 unit rumah pangsa, 37 unit rumah berkembar, 1 unit rumah banglo dan 62 unit rumah kedai. MUIB juga menjalankan perniagaan stesen petrol dan menyediakan pembiayaan mikro (Badan Tanmiah Majlis Ugama Islam Brunei, 2020).

Di Singapura pula, harta zakat, wakaf dan sumber am diurus oleh badan berkanun iaitu Majlis Agama Islam Singapura (MUIS). MUIS ditubuhkan pada tahun 1968 di bawah Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (*Administration of Muslim Law Act*) (AMLA) (Majlis Ugama Islam Singapura, 2020). Harta sumber am terdiri daripada sedekah, nazar, lebihan harta pusaka, fidyah dan hibah. Dalam usaha meningkatkan dana sumber am di Singapura, MUIS telah menerbitkan *ṣukūk* musyarakah bagi membiayai pembangunan tanah wakaf¹⁹, mempelbagaikan kaedah

¹⁹ Pembangunan projek ini melibatkan tiga pihak iaitu Baitulmal MUIS, tabung wakaf MUIS dan *Warees Investment Pte. Ltd.*. Baitulmal MUIS menyediakan pembiayaan sebanyak SGD 35 juta (RM 115.16 juta) dengan menerbitkan *ṣukūk* musyarakah. Tabung wakaf MUIS dan *Warees Investment Pte. Ltd.* pula masing-masing menyediakan tanah dan kepakaran bagi membina sebuah masjid, enam buah

pembayaran, memberikan maklumat melalui laman web rasmi dan edaran risalah (Majlis Ugama Islam Singapura, 2020).

Di Malaysia, pengurusan baitulmal adalah di bawah bidang kuasa negeri iaitu seperti yang dinyatakan dalam Senarai II, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan (1963)²⁰. Di setiap negeri, baitulmal diurus oleh MAIN dan tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing. Sebagai contoh, Negeri Sembilan, Johor, Selangor, Pulau Pinang dan Sarawak tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003; Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003; Enakmen Majlis Agama Islam Selangor 2003; Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004 dan Ordinan Majlis Islam Sarawak (Pemerbadanan) (Pindaan) 1984. Bagi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya pula tertakluk kepada Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan 1993). Misalnya, Seksyen 70 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (Pindaan) 2012 menyatakan bahawa harta Baitulmal terdiri daripada:

“(1A) Baitulmal hendaklah mempunyai akaun-akaun berasingan seperti berikut:

- (a) Zakat harta dan zakat fitrah;*
- (b) Wakaf dan nazar am;*
- (c) Sumber am;*
- (d) Amanah-amanah lain.*

(1B) Bagi maksud seksyen ini, Sumber am Baitulmal hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:

- (a) Sumbangan dan pemberian;*

kompleks dan 104 buah apartmen. Melalui kerjasama ini, Baitulmal MUIS mendapat keuntungan daripada sewa kompleks dan apartmen. Keuntungan tersebut dibahagikan bersama pemegang *sukūk* selama tempoh lima tahun (tamat tempoh matang *sukūk* musyarakah). Lihat Hydzulkifli Hashim Omar dan Asmak Ab Rahman (2015) dan Shamsiah Abdul Karim (2010).

²⁰ “Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, **termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan**, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, **pelantikan pemegang amanah** dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya;...” Lihat Perlembagaan Malaysia (1963).

- (b) *Fidyah dan kafarah;*
- (c) *Wang dan harta orang Islam yang tidak dituntut;*
- (d) *Harta pusaka yang tidak diwarisi;*
- (e) *Harta-harta tercicir (luqaṭat);*
- (f) *Sumber-sumber lain Baitulmal mengikut Enakmen ini atau Hukum Syarak”.*

Peruntukan tersebut menyatakan bahawa dana Baitulmal MAIN terdiri daripada zakat, wakaf, sumber am dan harta amanah. Harta sumber am terdiri daripada sumbangan, fidyah, kifarati, harta orang Islam yang tidak dituntut, harta pusaka yang tidak diwarisi, harta yang tercicir dan lain-lain harta mengikut hukum syarak. Perbincangan mengenai dana Baitulmal di Malaysia dibincangkan dengan lebih mendalam dalam bahagian berikutnya.

1.2.3 Perkembangan Baitulmal di Malaysia

Di Malaysia, baitulmal yang pertama ditubuhkan pada tahun 1915 di Negeri Kelantan (Roff, 1974). Pada awalnya, baitulmal diletakkan di bawah pentadbiran Pejabat Mufti Negeri Kelantan. Kemudian, pada tahun 1916, baitulmal berada di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) (Mansor Jusoh, 2012). Di awal penubuhannya, Baitulmal MAIK bertanggungjawab mengutip zakat padi dan zakat fitrah sahaja (Undang-undang No.14 Tahun 1916). Namun pada tahun 1938, Baitulmal MAIK telah menjadi nazir bagi harta wakaf (Undang-undang No. 23 Tahun 1938). Pada tahun 1994 pula, MAIK menerima harta sumber am daripada lebihan harta pusaka dan *luqaṭat*. Penubuhan Baitulmal di Kelantan disusuli dengan penubuhan Baitulmal di negeri-negeri lain di Malaysia²¹.

²¹ Johor (1925) Pahang (1926); Terengganu (1949); Perak (1949); Negeri Sembilan (1949); Selangor (1952); Pulau Pinang (1959) Melaka (1960); Kedah (1962); Perlis (1963); Sarawak (1966); Sabah (1971) dan Wilayah Persekutuan (1973).

Perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa Baitulmal di Malaysia ialah sebuah badan di bawah MAIN yang bertanggungjawab mengurus harta zakat, wakaf, nazar, sumber am dan harta amanah. Setiap harta tersebut diasingkan dalam kumpulan wang berbeza. Harta zakat dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Zakat manakala harta wakaf pula dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf. Harta sumber am dan harta amanah pula dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Sumber Am. Pengasingan ini dilakukan bagi memudahkan kutipan dan agihan kerana setiap harta tersebut mempunyai kutipan dan agihan yang berbeza seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2 Kutipan dan agihan zakat, wakaf dan sumber am di Malaysia.

Baitulmal	Kutipan	Agihan
Zakat	- zakat fitrah - zakat harta	Asnaf fakir; miskin; mualaf; <i>al-ghārimīn</i> ; amil; <i>al-riqāb</i> ; <i>ibnu sabīl</i> dan <i>fīsabīlillāh</i>
Wakaf	- wakaf am - wakaf khas	Penerima manfaat wakaf
Sumber am	Sumbangan; fidyah; kifarat; wang tidak dituntut; pusaka yang tidak diwarisi; harta yang tercicir dan lain-lain	keperluan umum seperti dakwah, kebajikan, pembangunan, pelaburan,

Sumber: Abdul Ghafar Ismail et al. (2022)

Jadual 1.2 menunjukkan kutipan dan agihan zakat, wakaf dan sumber am di Malaysia. Kutipan zakat diperoleh daripada zakat fitrah dan zakat harta. Zakat harta terdiri daripada zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat KWSP, zakat saham, zakat emas dan perak, zakat tanaman, zakat perniagaan dan zakat binatang ternakan (Pusat Pungutan Zakat-MAIWP, 2022). Kutipan zakat tersebut kemudiannya diagihkan kepada asnaf fakir, miskin, mualaf, *al-ghārimīn*, amil, *al-riqāb*, *ibnu sabīl* dan *fīsabīlillāh* (Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 2022).

Harta wakaf terdiri daripada wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am ialah harta yang diwakafkan untuk manfaat umum manakala wakaf khas pula ialah diwakafkan

untuk manfaat tertentu (Majlis Agama Islam Negeri Johor, 2022). Harta sumber am pula terdiri daripada sumbangan, fidyah, kifarot, wang tidak dituntut, pusaka yang tidak diwarisi, harta yang tercicir dan lain-lain (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (Pindaan), 2012). Harta sumber am diagihkan untuk tujuan pembangunan, pengurusan, kebajikan dan dakwah selain boleh menampung kutipan zakat dan wakaf sekiranya kutipan zakat dan wakaf tidak mencukupi (Surtahman Kastin Hasan, 2018).


Pada awalnya, kesemua harta tersebut iaitu zakat, wakaf dan sumber am diurus sendiri oleh MAIN. Namun pada awal tahun 1991, MAIWP telah melakukan perubahan dengan mengkorporatkan institusi zakat kepada PPZ. Selepas pengkorporatan institusi zakat, kutipan zakat MAIWP semakin meningkat. Melihat kejayaan PPZ dalam meningkatkan jumlah kutipan zakat di Wilayah Persekutuan, maka idea pengkorporatan institusi zakat PPZ dijadikan model dan kemudiannya dilaksanakan di beberapa buah negeri lain seperti Selangor (Lembaga Zakat Selangor)²², Pulau Pinang (Zakat Pulau Pinang)²³, Pahang (Pusat Kutipan Zakat Pahang)²⁴ dan Melaka (Pusat Zakat Melaka)²⁵ (Maliah Sulaiman et al., 2020). Setelah pengkorporatan institusi-institusi zakat, berlakunya peningkatan kutipan zakat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.

²² Lembaga Zakat Selangor (LZS) ditubuhkan pada tahun 1994.

²³ Sebelum ini Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan pada tahun 1994.

²⁴ Pusat Kutipan Zakat Pahang ditubuhkan pada tahun 1995.

²⁵ Sebelum ini Zakat Berkomputer yang ditubuhkan pada tahun 1996.



Rajah 1.1 Kutipan zakat mengikut negeri di Malaysia bagi tahun 1991 hingga 2020

Sumber: JAWHAR (2023)

Rajah 1.1 menunjukkan kutipan zakat di setiap negeri dari tahun 1991 hingga 2020. Lima buah negeri yang mengkorporatkan institusi zakat ialah Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Pahang dan Melaka telah mengalami

peningkatan kutipan zakat. Sungguhpun demikian, di negeri-negeri yang tidak mengkorporatkan institusi zakat turut mengalami peningkatan kutipan. Hal ini disebabkan oleh perubahan yang dilakukan dalam pengurusan kutipan zakat (Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006).

Bagi harta wakaf pula, pada awalnya kebanyakan tanah wakaf yang diterima oleh MAIN akan dibangunkan untuk tujuan pembinaan masjid, surau, sekolah dan tanah perkuburan (Sakinatul Raadiyah Abdullah, 2018). Namun pada tahun 2007, MAIWP telah terlibat dengan pembangunan tanah wakaf secara komersial (Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Ab Rahman, 2015; Norliza Md. Nuruddin et al., 2019). MAIWP telah membangunkan tanah wakaf di atas tanah milik Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy dengan menjalinkan kerjasama pintar dengan Lembaga Tabung Haji (LTH), TH Properties dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dengan menggunakan kaedah Bina, Operasi/Urus dan Pindah atau lebih dikenali sebagai *Built Operate and Transfer* (B.O.T). Melalui projek ini, MAIWP telah menerima hasil pajakan secara bulanan daripada LTH bermula tahun 2011²⁶ sehingga tamat pajakan pada tahun 2035. MAIWP juga mendapat dua tingkat daripada bangunan tersebut secara percuma daripada LTH iaitu di tingkat 34 dan 35. Menurut Norliza Md. Nuruddin et al. (2019), melalui pembangunan tanah wakaf komersial ini MAIWP bukan sahaja dapat menjana dana wakaf malah turut menambahkan aset wakaf MAIWP.

Kejayaan MAIWP dalam membangunkan tanah wakaf secara komersial ini telah mendorong MAIN lain seperti Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk membangunkan tanah wakaf di Pulau Pinang. Bagi tujuan tersebut,

²⁶ Tahun 2011 merupakan tahun bangunan Menara Imarah Wakaf tersebut siap. Lihat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2015).

MAINPP telah bekerjasama dengan *Amanah Capital Partners Berhad* (ACPB) bagi membangunkan bangunan pejabat 21 tingkat di atas tanah wakaf Majoodsaw (Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Ab Rahman, 2015). Melalui projek ini, ACPB diberikan tempoh konsesi selama 99 tahun dan MAINPP mendapat dua tingkat daripada bangunan ini secara percuma dan sepuluh lot tempat letak kereta untuk disewa. MAINPP juga telah bekerjasama dengan Uda Holdings Sdn. Bhd. dalam membangunkan projek perumahan tanah wakaf Setee Aishah dengan membina 76 unit rumah dan 9 unit rumah kedai. Melalui kerjasama ini, MAINPP menerima sembilan unit kedai tiga tingkat secara percuma serta agihan keuntungan 30% daripada hasil jualan manfaat rumah tersebut (Hydzulkifli Hashim & Asmak Ab. Rahman, 2012). Melalui pembangunan komersial seperti ini, penggunaan tanah wakaf dapat dioptimumkan selain dapat memberikan manfaat kepada penerima manfaat wakaf secara khusus dan manfaat kepada masyarakat secara umum.

Seperti mana zakat dan wakaf, sumber am juga mengalami perkembangan. Namun menurut Nadiah Rasid dan Mat Noor Mat Zain (2016), perkembangan dana sumber am di Malaysia adalah perlahan berbanding dengan perkembangan zakat dan wakaf. Dana sumber am di setiap negeri ditunjukkan dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.3 Pendapatan sumber am negeri-negeri di Malaysia pada tahun 2008 hingga 2020

Negeri	Tahun (RM Juta)												
	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Johor	1.03	1.92	5.23	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kedah	1.37	1.86	1.77	-	5.98	0.43	0.53	-	-	2.94	2.82	4.03	4.68
Kelantan	3.41	-	-	-	-	-	4.09	3.82	7.58	6.28	13.88	9.45	4.31
Melaka	2.26	1.47	2.55	4.58	-	3.38	8.86	9.43	2.497	4.06	4.36	-	2.23
Negeri Sembilan	17.44	-	16.12	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pahang	17.94	-	-	-	-	60.65	-	-	-	-	-	-	-
Pulau Pinang	1.09	2.79	3.65	3.65	2.2	2.42	5.63	5.14	8.771	2.21	-	3.15	3.25
Perak	-	5.11	6.46	-	-	4.12	8.63	15.23	13.27	14.90	18.44	9.15	9.749
Perlis	0.08	-	-	1.02	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Selangor	1.77	-	-	0.13	-	-	21.18	26.08	27.36	28.48	37.42	44.19	39.93
Terengganu	1.19	1.18	1.25	3.29	1.85	5.05	2.02	5.06	-	2.77	-	-	-
Sabah	0.05	0.78	0.38	0.83	-	-	-	-	-	-	-	1.78	-
Sarawak	5.91	8.36	17.64	9.37	-	10.59	17.98	27.90	-	26.32	-	-	41.62
Wilayah Persekutuan	3.42	5.72	3.67	-	-	-	7.568	12.91	12.69	11.73	15.54	16.36	-
								1	1	8	0	4	

Sumber: JAWHAR (2022); Majlis Agama Islam Selangor (2008-2021); Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Kelantan (2008-2020); Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (2008-2021); Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2008-2019)²⁷.

²⁷ Statistik tersebut tidak lengkap kerana penyelidik mempunyai kesulitan untuk mendapatkan data tersebut. Hal ini kebanyakan MAIN tidak mempunyai data lengkap mengenai sumber am dan tidak memberikan maklumat yang diminta kerana menurut mereka, data sumber am adalah sulit.

Jadual 1.3 menunjukkan jumlah pendapatan dana sumber am setiap negeri di Malaysia pada tahun 2008 hingga 2020. Di sepanjang tempoh 2008 hingga 2020, semua negeri mengalami peningkatan yang tidak konsisten iaitu meningkat dan menurun. Sebagai contoh, di Wilayah Persekutuan, pendapatan sumber am pada tahun 2008 adalah sebanyak RM 3.42 juta dan meningkat kepada RM 5.72 juta pada tahun 2009. Namun pada tahun 2010, pendapatan sumber am menurun kepada RM 3.67 juta. Pada tahun 2014, pendapatan sumber am adalah sebanyak RM 7.568 juta dan meningkat kepada RM 12.911 juta pada tahun 2015. Kemudian, pada tahun 2016, pendapatan sumber am menurun kepada RM 12.691 juta sebelum menurun kepada RM 11.738 juta. Pada tahun berikutnya iaitu 2018 dan 2019, pendapatan sumber am Wilayah Persekutuan meningkat kepada RM 15.540 juta dan 16.364 juta. Keadaan seperti ini iaitu peningkatan yang tidak konsisten turut berlaku di negeri-negeri lain iaitu Kedah, Kelantan, Melaka, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Terengganu dan Sarawak²⁸.

Pada tahun 2020, negeri yang mempunyai pendapatan yang tertinggi pada ialah Sarawak iaitu RM 41.62 juta manakala negeri yang mempunyai pendapatan paling rendah pula ialah Melaka iaitu sebanyak RM RM 2.23 juta. Pendapatan sumber am dikategorikan kepada empat kategori iaitu pendapatan tinggi, pendapatan sederhana, pendapatan rendah dan pendapatan sangat rendah. Hal ini ditunjukkan dalam Jadual 1.4.

²⁸ Negeri-negeri lain seperti Pahang, Negeri Sembilan, Perlis dan Sabah mempunyai data yang sangat sedikit untuk melihat perkembangan pendapatan sumber am di sepanjang tahun 2008 hingga 2020.

Jadual 1.4 Kategori pendapatan sumber am mengikut negeri pada tahun 2019 dan 2020

Kategori	Pendapatan Sumber Am	Negeri
Tinggi	RM 36-RM 45 juta	Sarawak dan Selangor
Sederhana	RM 26-RM 35 juta	-
Rendah	RM 16- RM 25 juta	Wilayah Persekutuan
Sangat Rendah	RM 15 juta ke bawah	Kedah, Kelantan, Melaka, Pulau Pinang dan Perak

Sumber: Olahan Penulis (2023)

Jadual 1.4 menunjukkan kategori sumber am berdasarkan jumlah pendapatan iaitu pendapatan tinggi, pendapatan sederhana, pendapatan rendah dan pendapatan sangat rendah. Negeri yang mempunyai pendapatan yang tinggi iaitu RM 36 juta hingga RM 45 juta ialah Sarawak dan Selangor. Tiada negeri yang mempunyai pendapatan diantara RM 26 juta hingga RM 35 juta. Wilayah Persekutuan merupakan negeri yang mempunyai pendapatan sumber am yang rendah iaitu diantara RM 16 juta hingga RM 25 juta manakala Kedah, Kelantan, Melaka, Pulau Pinang dan Perak mempunyai pendapatan sumber am yang sangat rendah iaitu RM 15 juta ke bawah.

Perbincangan dalam bahagian ini menunjukkan bahawa MAIWP telah berjaya mengurus dana zakat dan wakaf dengan baik. Namun, MAIWP masih belum berjaya mengurus dana sumber am dengan baik. Hal ini dibuktikan melalui pendapatan sumber am yang berada pada tahap yang rendah. Persoalannya mengapa pendapatan sumber am Baitulmal MAIWP masih rendah? Sedangkan, Wilayah Persekutuan merupakan negeri yang mempunyai pendapatan isi rumah yang paling tinggi selepas Selangor (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Sewajarnya apabila pendapatan isi rumah tinggi, maka lebih banyak dana yang boleh disumbangkan kepada baitulmal.


1.2.4 Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Perbincangan sebelum ini menunjukkan MAIWP merupakan MAIN yang mula-mula mengkorporatkan institusi zakat dengan menubuhkan PPZ. Pengkorporatan ini dilakukan bagi menyelesaikan masalah kutipan zakat yang sedikit pada ketika itu di Wilayah Persekutuan (Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2023a). Melalui sistem pengkorporatan, PPZ telah melaksanakan sistem pengurusan zakat secara sistematik, sistem kerja yang bersifat korporat, penggunaan teknologi yang cekap serta tenaga kerja yang profesional (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015a).

PPZ juga giat melakukan kempen kesedaran dan penerangan mengenai zakat harta seperti zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat perniagaan, zakat emas dan zakat saham bagi meningkatkan kutipan zakat harta di Wilayah Persekutuan (Pusat Pungutan Zakat Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 1993, 1994). PPZ turut menyediakan pelbagai kemudahan bagi memudahkan pembayar zakat untuk membayar zakat tanpa perlu hadir ke PPZ. PPZ telah menyediakan kaunter bayaran zakat di sekitar Wilayah Persekutuan²⁹, menyediakan perkhidmatan pembayaran zakat secara talian, pembayaran melalui perbankan *internet*, skim potongan zakat bulanan serta pembayaran zakat melalui ejen kutipan zakat seperti Pejabat Pos (Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2020). PPZ juga menyediakan hadiah kepada pembayar zakat di Wilayah selain menyediakan pengecualian cukai kepada pembayar zakat. Hal ini dilakukan bagi menggalakkan pembayaran zakat

²⁹ 11 Kaunter pembayaran PPZ MAIWP; Wisma PPZ Dataran Shamelin; Bangunan Daruzzakah; Masjid Negara; Wangsa Maju; Presint 9 Putrajaya; Masjid at-taqwa Taman Tun Dr. Ismail; Masjid Abdul Rahman bin Auf Puchong; Masjid Imam al-Ghazali Kepong, UTC Pudu Sentral dan Kompleks Ujana Kewangan Labuan. Lihat Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, (2020a).

sekali gus dapat meningkatkan kutipan zakat. Kutipan zakat di Wilayah Persekutuan sebelum dan selepas pengkorporatan ditunjukkan dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2 Kutipan zakat di Wilayah Persekutuan dari tahun 1985 hingga 1994.
Sumber: Pusat Pungutan Zakat Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (1995)

Rajah 1.2 menunjukkan kutipan zakat di Wilayah persekutuan pada tahun 1985 hingga tahun 1994. Rajah tersebut dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa I dan fasa II. Fasa I ialah fasa sebelum pengkorporatan (1985-1990) dan fasa II ialah fasa selepas pengkorporatan (1991-1994). Di kedua-dua fasa iaitu fasa I dan II, didapati bahawa kutipan zakat sentiasa meningkat bermula tahun 1985 hingga 1994. Sungguhpun demikian, peningkatan kutipan zakat di fasa II lebih tinggi daripada kutipan zakat di fasa I. Di fasa I, kutipan zakat adalah sebanyak RM 2.53 juta pada tahun 1985 dan meningkat kepada RM 7.63 juta pada tahun 1990 manakala di fasa II, jumlah kutipan zakat pada tahun 1991 adalah sebanyak RM 13.50 juta dan meningkat kepada RM 33.14 juta pada tahun 1994 (Pusat Pungutan Zakat Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 1995). Jumlah kutipan zakat terus meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2020, jumlah kutipan zakat Wilayah adalah sebanyak RM 758.06 juta (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2022a). Kutipan tersebut diagihkan

oleh MAIWP kepada asnaf melalui 30 Skim Bantuan Tahunan MAIWP³⁰ yang terdiri daripada Skim Bantuan Kebajikan, Skim Bantuan Ekonomi, Skim Bantuan Perubatan, Skim Bantuan Dakwah dan Pembangunan Ummah, Skim Bantuan Perlindungan dan Skim Bantuan Pendidikan. Jumlah agihan zakat pada tahun 2020 adalah sebanyak RM 732.56 juta dan lebihan zakat pada tahun tersebut adalah sebanyak RM 23.5 juta.

Lebihan harta zakat juga digunakan untuk pelaburan dan pembangunan hartanah. MAIWP telah melaburkan harta zakat dalam pelbagai instrumen kewangan seperti pelaburan tetap di perbankan Islam; pelaburan unit amanah hartanah di Amanah Hartanah Bumiputera; pelaburan emas dalam ar-Rahnu YAPIEM; milikan saham di Bank Islam Malaysia Berhad dan Tabung Haji Plantations Berhad. MAIWP turut mempunyai ekuiti di lapan buah anak syarikat MAIWP iaitu Healthcare Sdn. Bhd., Harta suci Sdn. Bhd., Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd. (PICOMS), Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd., Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. (IPB), MAIWP Dagang Sdn. Bhd, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan dan Pusat Wakaf MAIWP Sdn. Bhd. Lebihan zakat MAIWP juga digunakan untuk tujuan pembangunan hartanah seperti Kompleks Hospital PUSRAWI, kampus IPB, bangunan PICOMS, asrama pelajar di Mesir dan dua buah hotel iaitu hotel Putera

³⁰ Bantuan Kewangan Bulanan; Bantuan Ramadhan/ Aidilfitri; Bantuan Menyelesaikan Hutang; Bantuan Perkahwinan; Bantuan Guaman Syarie; Bantuan kecemasan; Bantuan Tambang dan Keperluan Diri; dan Bantuan Musibah dan Bantuan Khairat Asnaf; Bantuan Perniagaan; Bantuan Pertanian/ Penternakan/ Perikanan; Bantuan Deposiy Sewa Beli Teksi; Bantuan Deposit Van/ Bas Sekolah; Bantuan Deposit Membeli Motosikal OKU; Bantuan Perubatan Am; Bantuan Hemodialisis; Bantuan Peralatan Kesihatan; Bantuan Khas Kanak-kanak OKU; Bantuan kepada Agensi-agensi Kebajikan dan Institusi Pendidikan; Bantuan Kepada Institusi Tahfiz; Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan; Bantuan Membina/ Membaiki Rumah; Bantuan Deposit Pembelian Rumah Kos Rendah; Bantuan Am Persekolahan/ Persediaan Sekolah Berasrama; Bantuan Peralatan dan Pakaian Persekolahan; Bantuan Am Pelajaran IPT/ Persediaan IPT; Biasiswa/ Insentif Khas Pelajar Cemerlang dalam dan Luar Negara; Bantuan Tuisyen; Bantuan Pelajar Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS; Bantuan Pelajar Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur; Bantuan Galakan Hafaz al-Quran; Bantuan Latihan Kemahiran Industri dan Bantuan Pemantapan Agama Islam.